



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1990

ELAUN PAKAR DAN ELAUN DIPLOMA KESIHATAN AWAM

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan keputusan Kerajaan meminda kadar Elaun Pakar yang dibayar kepada Pegawai Perubatan yang diwarnakan sebagai pakar Perunding atau Pakar Klinikal.

2. TAKRIF

- 2.1 (a) Pakar Perunding ertinya seorang Pegawai Perubatan Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas yang diwartakan sebagai Pakar.
- (b) Pakar Klinikal ertinya seorang Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa atau Tingkatan Kanan yang diwartakan sebagai Pakar.
- (c) Pegawai Kesihatan ertinya seorang Pegawai Perubatan yang diwartakan bagi tugas-tugas kawalan kesihatan.

3. ELAUN PAKAR

3.1 Kerajaan telah menyemak semula kadar Elaun Pakar kepada Pegawai Perubatan yang diwartakan sebagai Pakar Perunding atau Pakar Klinikal dan seterusnya bersetuju meminda kadar Elaun Pakar seperti berikut:

<i>Tingkatan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Baru</i>
Tingkatan Biasa(A15/A14) ..	\$ 600 x 50-700	\$1200
Tingkatan Kanan (A11) ..	\$ 750 x 50-850	\$1300
Tingkatan Tertinggi "G" (A10)	\$ 900 x 50-1000	\$1500
Tingkatan Tertinggi "F" (A09)	\$1050 x 50-1150	\$1700
Tingkatan Tertinggi "E" (A08)	\$1200 x 50-1300	\$1900
Tingkatan Tertinggi "D" (A07)	\$1350 x 50-1450	\$2200
Tingkatan Tertinggi "C" dan ke atas (A06)	\$1500 x 50-1600	\$2400

4. ELAUN DIPLOMA KESIHATAN AWAM

4.1 Elaun Diploma Kesihatan Awam yang berkuatkuasa sekarang adalah masih terpakai. Elaun ini adalah dibayar kepada Pegawai Perubatan yang diwartakan sebagai Pegawai Kesihatan bagi tugas-tugas kawalan kesihatan atas kadar berikut:

<i>Tingkatan</i>	<i>Kadar</i>
Pegawai Perubatan yang diwartakan sebagai Pegawai Kesihatan tetapi tidak mempunyai diploma Kesihatan Awam	\$250 sebulan
Tingkatan Biasa (A15/A14) dan mempunyai Diploma Kesihatan Awam	\$500 sebulan
Tingkatan Kanan (A11) dan mempunyai Diploma Kesihatan Awam	\$600 sebulan
Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas (A10 ke atas) dan mempunyai Diploma Kesihatan Awam	\$700 sebulan

5. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

5.1 Elaun Pakar dan Elaun Diploma Kesihatan Awam adalah dibayar kepada Pegawai Perubatan yang diwartakan sebagai Pakar Perunding atau Pakar Klinikal atau diwartakan sebagai Pegawai Kesihatan mengikut mana yang berkenaan. Elaun Pakar dan Elaun Diploma Kesihatan Awam boleh terus dibayar apabila seseorang pegawai itu bercuti bergaji penuh. Jika ia bercuti separuh gaji, maka ia layak menerima hanya separuh sahaja daripada elaun yang dilayakinya.

5.2 Pegawai yang ditahan kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan dibenarkan menerima separuh atau sebahagian daripada gaji bulanannya hendaklah juga dibayar separuh atau sebahagian daripada kadar Elaun Pakar atau Elaun Diploma Kesihatan Awam yang dilayakinya itu mengikut nisbah yang sama

dengan pengiraan gajinya. Walau bagaimanapun, elaun tersebut tidak boleh dibayar kepada pegawai dalam tempoh ia bercuti tanpa gaji ataupun dalam tempoh ia telah dikenakan hukuman oleh Pihak Berkuasa Tatatertib supaya digantung kerja atau dilucutkan hak gajinya. Sekiranya ia dikenakan hukuman oleh Pihak Berkuasa tersebut supaya gajinya atau pangkatnya diturunkan maka ia layak dibayar elaun mengikut kadar elaun bagi gaji atau pangkat yang diterimanya selepas diturunkan gaji atau pangkatnya itu.

5.3 Elaun Pakar atas kadar $\frac{2}{3}$ daripada kadar Elaun Pakar yang dilayaki boleh dibayar kepada seorang Pakar Perunding atau Pakar Klinikal yang dikehendaki menjalankan tugas pentadbiran dengan syarat pendapatan dari gaji dan Elaun Pakar itu tidak kurang daripada jumlah pendapatan dari gaji dan Elaun Pakar yang telah diterimanya sebelum ditempatkan ke jawatan pentadbiran itu.

5.4 Bagi pegawai yang memperolehi kelulusan Pakar dan Diploma Kesihatan Awam melalui cuti belajar, Elaun Pakar dan Elaun Diploma Kesihatan Awam bolehlah dibayar mulai daripada tarikh ianya kembali dan bertugas semula jika seterusnya dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh bertugas semula ia ditauliahkan sebagai Pakar atau Pegawai Kesihatan. Sekiranya pegawai itu dibenarkan oleh Pihak Berkuasa untuk melanjutkan pengajiannya selepas memperolehi kelulusan Pakar atau Diploma Kesihatan itu, maka Elaun Pakar dan Elaun Diploma Kesihatan Awam boleh dibayar mulai daripada tarikh kelulusan Pakar atau Diploma itu diumumkan tertakluk kepada syarat ia ditauliahkan sebagai Pakar atau Pegawai Kesihatan dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh


bertugas semula.

6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah mulai 1 Disember 1989.

7. PEMBATALAN

7.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, peruntukan-peruntukan di Perenggan-perenggan 31 (i) dan (ii), 32, 33 dan 34 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1983](#) adalah dibatalkan.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

23 Januari 1990

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,

MALAYSIA